



SEMINAR KEPIMPINAN ISLAM SERANTAU

Seminar on Regional Muslim Leadership

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Dinamisme Kepimpinan Islam

Dynamism of Islamic Leadership

Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid

Pengarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Director, Academy of Islamic Studies, University of Malaya

29 Safar & 1 Rabi^c al-Awwal 1420
14 & 15 Jun 1999

Dewan Kuliah Utama
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



DINAMISME KEPIMPINAN ISLAM

Pendahuluan

Dinamisme ialah sifat dinamik. Perkataan dinamik memberi erti bertenaga dan mempunyai kekuatan serta mampu membuat penyesuaian dan melahirkan pembaharuan serta kejayaan. Kertas ini akan melihat kepimpinan Islam dari aspek ini.

Kepimpinan adalah suatu peranan sosial yang dimainkan oleh seseorang pemimpin dalam interaksinya dengan orang ramai dalam masyarakat atau kelompok pimpinannya. Peranan ini menjadikan seseorang pemimpin itu mampu mempengaruhi orang lain dalam membimbing mereka kearah mencapai cita-cita kelompok atau masyarakat berkenaan.¹

Ianya berbeza dari keketuaan. Kerana kepimpinan lahir dari dalam masyarakat atau kelompok itu sendiri, sedangkan keketuaan lahir sebagai hasil daripada satu sistem dan bukan sebagai natijah pengakuan secara spontan daripada orang ramai. Seorang ketua tidak semestinya seorang pemimpin. Begitu juga sebaliknya. Walau bagaimanapun, seorang ketua yang berjaya menyimpulkan pada dirinya dua fungsi atau peranan tadi secara sekaligus, iaitu sebagai seorang ketua dan pada waktu yang sama sebagai seorang pemimpin.²

¹ Lihat: Hamid Ab. Salam Zahran, *Ilm al-Nafs al-Ijtima'i* Kahirah: 'Alam al-Kutub, (1972) hal. 389.

² Ibid. hal. 340.

Berasaskan hakikat diatas, ternyata kepimpinan itu terjadi dalam bentuk berbagai hala dan merupakan fungsi semua orang. Tidak ada orang yang menjadi pemimpin dalam semua hal dan tidak ada orang yang terlepas dari fungsi kepimpinan. Bersesuaian dengan ini Rasulullah s.a.w pernah menegaskan bahawa setiap orang adalah pemimpin yang berfungsi dalam batas kepimpinan masing-masing.³

Selain itu ternyata juga bahawa kepimpinan itu sebenarnya dicorakkan oleh aspirasi atau cita-cita masyarakat itu sendiri. Orang yang boleh memenuhi dan menghayati cita-cita masyarakat itulah biasanya yang diterima oleh masyarakat berkenaan sebagai pemimpin mereka. Di kalangan ahli-ahli ilmu kemasyarakatan hal seperti itu dikaitkan dengan teori piramid. Secara ringkasnya ia boleh diuraikan sebagai "*Bagaimana corak masyarakat begitulah corak pemimpin yang akan lahir daripadanya*". Disinilah terletaknya kepentingan orang-orang di peringkat bawahan dalam membina dan mencorakkan kepimpinan.⁴

Interaksi Sosial Sebagai asas Kepimpinan

Sepertimana yang telah diuraikan di atas, faktor utama yang menjadi asas kepada kelahiran kepimpinan ini ialah interaksi. Ia adalah tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain. Dalam konsep ini ia adalah satu proses yang dinamik.

Dalam Islam proses interaksi ini tersimpul dalam konsep ***amar ma'ruf*** dan ***nahi munkar***. Ia menjadi tugas semua orang Islam dan disifatkan sebagai asas kepada kejayaan masyarakat Islam sendiri.⁵ Malah, dalam al-Quran Allah menyifatkannya sebagai titik atau batas yang membezakan antara orang Islam yang sebenar dan orang munafik, iaitu mereka yang mendakwa Islam secara hipokrasi.⁶

³ Hadis riwayat al-Bukhari

⁴ Op. Cit, hal. 399

⁵ Ali Imran (3) : 104

⁶ Al-Taubah (9) : 67

Sehubungan dengan hal ini juga Allah menyifatkan umat dan masyarakat Islam sebagai *Ummatan Wasata*,⁷ iaitu umat yang sentiasa berada di tengah pergelakan dan perkembangan. Mereka bukan umat atau masyarakat yang sentiasa terpinggir dan berfungsi seolah-olah melukut di tepi gantang. Kehadiran mereka memberi makna dan ketiadaan mereka juga membawa erti.

Prinsip-prinsip *amal ma'ruf, nahi munkar* dan *ummatan wasata* di atas memberikan dinamika yang cukup kuat kepada kepimpinan Islam. Kerana berasaskan kepadanya proses interaksi dalam masyarakat akan sentiasa lancar.

“*Ma'ruf*” dan “*Munkar*” adalah konsep-konsep yang luas dan merangkumi banyak perkara. *Ma'ruf* merangkumi semua usaha-usaha baik dan berfaedah, samada berupa budi pekerti adat kebiasaan, kerja-kerja berfaedah untuk individu dan masyarakat dan sebagainya. Sementara *munkar* pula merangkumi apa saja yang tidak baik atau memberi kesan buruk, samada budi pekerti, adat kebiasaan, kerja dan sebagainya.⁸

Antara contoh *amal ma'ruf* ialah menegakkan kebenaran, keadilan dan kebebasan, serta mencegah kezaliman, penindasan dan hawa nafsu. Menegakkan pemerintahan yang adil dan bertimbang rasa juga termasuk dalam *amal ma'ruf*. Sementara menentang pemerintah yang zalim, selalu menindas dan yang sentiasa mengikut hawa nafsu adalah contoh-contoh bagi “*nahi munkar*”.⁹

Prinsip *ummatan wasata* pula mendorong setiap umat Islam secara individu atau berkelompok sentiasa pro-aktif bagi meletakkan mereka sendiri pada kedudukan yang baik dari segi kepimpinan. Adalah menjadi objektif prinsip itu untuk menjadikan umat Islam sebagai pemimpin yang bersifat global, bukan sahaja bagi masyarakat Islam sendiri tetapi juga masyarakat bukan

⁷ Al-Baqarah (2) : 143

⁸ Muhammad Izzah Deruzah, *Al-Dustur al-Qurani*, Kahirah: al-halabi, (1956) hal. 371

⁹ Ibid. hal. 372

Islam. Ini akan menjadi pendorong besar bagi setiap individu dan masyarakat Islam agar lebih aktif dan positif dalam interaksi masing-masing.

Peranan sebagai *Ummatan wasata* ini bukan sekadar merangkumi hal-hal politik dan sosial sahaja, tetapi semua lapangan hidup sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama yang universal. Secara realitinya pada hari ini ia sangat-sangat diperlukan di bidang-bidang keilmuan dan kesarjanaan, profesionalisma, ekonomi, persenjataan dan lain-lain lagi. Konsep kepimpinan yang komprehensif dan global ini sudah menjadi tanggungjawab yang perlu dipenuhi dan memaksa umat Islam mengambil kira segala yang berkait dengannya dalam kehidupan mereka. Tidak hairanlah kalau Rasulullah s.a.w pernah bersabda kalau ada lebih dari dua orang dalam melaksanakan apa-apa urusan, satu daripada mereka perlu menjadi pemimpin.

Masalah cita-cita Masyarakat

Secara umumnya konsep ini memberi erti bahawa seseorang pemimpin itu perlu lahir dari dalam masyarakat itu sendiri yang memahami keperluan dan menjawai cita-cita mereka. Tanpa kedudukan ini jaminan untuk terlaksananya kepimpinan yang berjaya amat tipis sekali.

Dalam Islam, Rasulullah s.a.w sendiri disifatkan oleh al-Quran sebagai “*Rasul yang lahir dari kalangan kamu*”.¹⁰ Sejarah baginda juga menunjukkan keadaan ini di mana baginda digambarkan sebagai seorang yang biasa dalam masyarakatnya.

Dari segi yang lain pula ia menunjukkan kepentingan rasa kesedaran orang bawahan terhadap cita-cita kepimpinan itu sendiri. Supaya antara citacita pemimpin dan masyarakat tidak dipisahkan oleh mana-mana jurang yang jauh. Saidina ‘Ali r.a apabila ditanya mengapa kepimpinan ketiga-tiga khalifah terdahulu cukup berkesan sekali tetapi sebaliknya kepimpinan beliau, terus

¹⁰ Ali Imran (3): 164

menjawab "Kerana para pengikut mereka terdiri dari orang seperti aku, sedangkan para pengikut aku adalah orang-orang seperti kamu".

Bagaimanapun, tidak dinafikan adanya pengaruh timbal balik dalam segi ini diantara pemimpin dan masyarakat di bawah pimpinannya. Kerana itulah orang-orang bijak pandai berkata "*orang ramai sentiasa akan berpegang dengan keyakinan pemerintah mereka*".

Secara lebih khusus, teori ini memberi erti bahawa falsafah dan corak kepimpinan sesuatu masyarakat itu perlu diputuskan bersama oleh kedua-dua belah pihak, pemimpin dan masyarakat di bawah pimpinannya. Dalam al-Quran pernah ditegaskan bahawa kepimpinan Islam itu berteraskan permesyuaratan.¹¹ Rasulullah s.a.w sendiri disifatkan oleh para sahabat sebagai orang yang paling cenderung untuk bermesyuarat dalam membuat apa-apa keputusan.¹²

Interaksi antara pemimpin dan para pengikut dalam usaha faham memahami hasrat dan cita-cita bersama membentuk dinamisme yang tersendiri sehingga boleh membawa kepada suasana tanggungjawab secara kolektif atau malah kepimpinan secara kolektif. Hal ini sesuai juga dengan kenyataan baginda Rasulullah s.a.w bahawa semua orang adalah pemimpin.

Namun, dalam masyarakat Islam, cita-cita masyarakat tidak lahir berdasarkan pendengar sendiri secara bebas tanpa apa-apa ikatan. Kerana Islam sendiri adalah ajaran yang membentuk serata menyelaraskan cita-cita setiap individu dalam sesuatu masyarakat dan malah masyarakat itu sendiri sebagai satu institusi. Ini bererti bahawa secara politiknya cita-cita masyarakat itu ialah pengajaran Islam itu sendiri. Bagaimanapun, sebagai agama yang flaksibal dan universal masih terdapat ruang bagi individu maupun masyarakat sendiri untuk memiliki pandangan dan cita-cita sendiri dalam ruang yang tertentu.

¹¹ Al-Syura (42) : 38; Ali Imran 93) :159

¹² Hadis riwayat al-Termizi daripada Anas Ibn Malik

Ini bererti bahawa apa yang penting ialah cita-cita bersama yang berasaskan kepada pengajaran Islam. Disamping itu setiap orang boleh berusaha menegakkan cita-citanya sendiri dalam kerangka cita-cita bersama yang luas itu. Di sinilah terletaknya kemungkinan penerimaan kepelbagaiannya jema'an dalam memperjuangkan Islam secara komprehensif dan global.¹³ Di mana umat Islam tidak perlu dipaksa hanya berada dalam satu jemaah yang tertentu sahaja. Apa yang penting ialah jemaah-jemaah ini disatukan oleh kerangka besar cita-cita Islam, iaitu yang boleh disifatkan disini sebagai cita-cita bersama umat Islam seluruhnya.

Kepelbagaiannya jemaah kepimpinan ini sentiasa berlaku dalam sejarah kepimpinan Islam sejak dahulu sehingga sekarang. Malah ia sentiasa berlaku dalam bentuk firaq iaitu aliran dalam akidah, mazhab iaitu aliran dalam fiqh, tariqat iaitu aliran dalam tasyawuf dan sebagainya. Pentingnya aliran-aliran ini bersatu dibawah kawah wahyu seperti mana yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah.¹⁴

Kepimpinan Sebagai Satu Amanah

Salah satu asas yang boleh memperkuuhkan lagi dinamisme kepimpinan Islam ialah kedudukannya sebagai suatu amanah. Dalam hadis yang telah disebut sebelum ini Rasulullah s.a.w menegaskan bahawa setiap pemimpin akan dipersoalkan tentang orang-orang di bawah pimpinannya.¹⁵ Dalam sebuah hadis lain pula Rasulullah s.a.w menyifatkan ianya sebagai amanah yang boleh membawa kehinaan dan penyesalan di hari akhirat nanti.¹⁶

¹³ Lihat: Muhammad Abu Zahrah, Tarikh, al-Mazahib al-Islamiyah, Kahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi (ll); Jld 1 & 2

¹⁴ Hadis riwayat al-Bukhari

¹⁵ Hadis riwayat Muslim

Kerana kepimpinan itu suatu amanah, seseorang pemimpin Islam tertakluk kepada batas-batas tertentu samada dalam usaha melayakkan diri untuk memperolehnya atau dalam menggunakan kuasa dan pengaruhnya. Mereka tidak akan melihat kepimpinan itu sebagai satu keistimewaan yang perlu direbut atau dibanggakan.

Satu istilah lain yang boleh memberi erti yang bertentangan sepenuhnya dengan amanah ialah “*khianat*”. Rasulullah s.a.w pernah menyifatkan khianat sebagai pecah amanah dan merupakan manifestasi kepada sifat “*nifaq*” atau hipokrasi seseorang itu.¹⁶

Amanah memerlukan pelaksanaan tanggungjawab dengan sempurna dan penggunaan kuasa atau pengaruh dengan adil dan bijaksana tanpa dipengaruhi oleh hawa nafsu. Sewaktu melantik Nabi Daud sebagai khalifah, soal kebenaran, keadilan dan penolakkan hawa nafsu ini telah dibangkitkan oleh Allah.¹⁷ Dalam satu ayat lain Allah menyebut tentang amanah hukuman dan keadilan dalam konteks yang sama.¹⁸

Prinsip amanah ini boleh menjauhkan unsur-unsur negatif dalam proses pembinaan kepimpinan, antaranya rebutan kuasa. Dalam kepimpinan Islam rebutan kuasa tidak sepatutnya berlaku. Kerana setiap orang akan cukup berhati-hati dalam memperolehnya. Satu contoh paling murni boleh didapati daripada peralihan kepimpinan yang berlaku di *Saqifah Bani Sa'd* yang membawa kepada terlantinya Abu Bakr al-Siddiq sebagai khalifah pertama Islam sejurus selepas Rasulullah s.a.w wafat.¹⁹

Dalam kata lain, dengan berasaskan kepada prinsip dan semangat amanah ini hanya yang paling layak sahaja akan tanfil memimpin, dan peralihan kuasa kepimpinan akan sentiasa berlaku secara teratur. Sebaliknya kalau kepimpinan terdedah kepada rebutan dan perlumbaan yang sengit,

¹⁶ Hadis riwayat al-Bukhari

¹⁷ Sad (38): 26

¹⁸ Al-Nisa' (4) : 58

mereka yang benar-benar layak serta bermaruah akan menjauhkan diri. Dengan itu yang akan di terima sebagai pemimpin lebih banyak yang oportunis.

Keadaan seperti ini akan menjadikan kepimpinan itu sendiri lebih lancar dan dinamis serta mempunyai kemampuan yang tinggi untuk mencapai objektif yang sepatutnya.

Begitupun, kedudukan ini tidak sampai kepada tahap yang memerlukan setiap orang menjauhi peranan kepimpinan. Kerana disamping menekankan soal amanah dan keadilan dalam memimpin supaya tidak dipersoalkan diakhirkat nanti Islam mewajibkan supaya institusi kepimpinan itu ditegakkan. Rasulullah s.a.w pernah menegaskan apabila terdapat lebih daripada dua orang dalam melaksanakan apa-apa urusan salah seorang dari mereka itu perlu diterima sebagai pemimpin.²⁰

Ini bererti bahawa kepimpinan Islam itu suatu kewajipan atas semua orang dan suatu amanah pula. Semua orang perlu memikul bebananya dengan penuh amanah. Dalam menghayati dan mengambil kira keperluan-keperluan ini dalam suatuimbangan yang saksama kepimpinan Islam akan mempunyai kekuatan dan dinamismenya yang tersendiri.

Keperluan Kepada Dasar Yang Jelas

Kepimpinan Islam memerlukan dasar yang jelas. Ini berkait rapat dengan dasar umum Islam sendiri yang memerlukan kehendak dan objektif yang tepat dan jelas dalam melakukan sesuatu. Dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w pernah menegaskan bahawa setiap perbuatan manusia itu dinilai berdasarkan kepada “*niat*” dan setiap orang akan memperolehi apa yang diniatkan.²¹

¹⁹ Lihat: Abu Ya'la, *al-ahkam al-Sultaniyah*, Beirut: Dar al-Kutub, (1983) hal. 19

²⁰ Hadis riwayat Ahmad

²¹ Hadis riwayat al-Bukhari

Apa yang dimaksudkan dengan niat dalam hadis berkenaan ialah konsep tentang sesuatu dan bukan semata-mata tujuan dalam konsepnya yang sempit. Dalam konteks kepimpinan ia boleh dertiakan sebagai filsafah dan dasar kepimpinan itu sendiri.

Tentu sekali yang dimaksudkan dengan dasar yang jelas itu ialah yang bersumberkan filsafat dan pengajaran Islam. Bagaimanapun, keperluan ini tidak bersifat rijid. Dalam Islam banyak hal-hal yang ditekankan secara umum, sedangkan soal penditilan dan pendekatan terserah kepada masing-masing individu. Ini bererti disamping berasaskan kepada prinsip-prinsip Islam yang umum. Kepimpinan Islam boleh bersifat pelbagai mengikut corak dan pendekatan yang dipilih oleh masing-masing.

Sebagaimana dasar terikat dengan prinsip-prinsip Islam boleh memberi kekuatan asas atau fandamantel bagi kepimpinan Islam, kepelbagaian pendekatan dan stail pula boleh memberi kelenturan dan flaksibiliti yang menarik bagi kepimpinan itu.

Kepelbagaian pentafsiran dan pendekatan ini biasanya diperlukan atas sebab-sebab perbezaan personaliti atau bidang kepimpinan itu sendiri. Tentu sekali kepimpinan ibadat berbeza sedikit dari segi ini dengan kepimpinan ilmu, politik, sosial dan sebagainya.²² Atas dasar ini tidak ada sebab para pemimpin Islam memandang serong antara satu sama lain kerana terdapat perbezaan pentafsiran dan pendekatan antara mereka.

Oleh kerana kepimpinan itu, sepertimana yang telah dihuraikan di atas, suatu peranan sosial yang lahir secara spontan hasil daripada interaksi dalam masyarakat, maka pentafsiran dan pendekatan yang dimaksudkan disini akan banyak dipengaruhi oleh cita-cita masyarakat itu sendiri. Ini bererti bahawa dasar dan objektif kepimpinan yang jelas itu tidak hanya bergantung kepada falsafah dan wawasan pemimpin itu sahaja, tetapi juga kesedaran dan cita-cita

²² Lihat: al-Mawardi; *al-Ahkam al-Sultariyah*, Beirut: Dar al-Kutub, (1978) hal. 22-107; AbuYa'la, Op. Cit, hal 29-114

masyarakat itu sendiri. Dengan kata lain, dasar dan objektif berkenaan perlu jelas bagi pemimpin itu sendiri dan difahami secara meluas serta mendalam di kalangan masyarakatnya.

Masalah Iltizam dan Komitmen

Dasar yang jelas tidak boleh memberi apa-apa dokongan komitmen yang tinggi. Dalam al-Quran, dasar atau pandangan yang tidak di dokong oleh komitmen yang tinggi dalam melaksanakannya dianggap sebagai pembohongan yang besar dosanya.

Komitmen bererti sikap atau pendirian yang memberikan sepenuh perhatian dan daya usaha serta tenaga terhadap sesuatu. Dalam Islam ia boleh digambarkan oeh sikap-sikap ikhlas, usaha, tegas, jihad dan pengorbanan.

Dalam al-Quran, keikhlasan digambarkan sebagai pemuatan segala perhatian dan cita-cita demi untuk mendapat keredaan Allah semata-mata dan tidak kepada yang lain.²³ Dari asas ini terhindarlah segala sifat lain yang negatif dalam kepimpinan, seperti nifak atau hipokrasi, membangga diri belot dan sebagainya. Pada titik itu terletak satu kekuatan yang sukar didapati dalam kepimpinan bercorak sekular.

Bagaimanapun keikhlasan semata-mata belum tentu dapat menjamin terbinanya komitmen yang tinggi. Ia memerlukan sikap lain, iaitu gigih dan rajin berusaha. Kerana itu kegigihan atau *mujahadah* adalah satu sifat yang sentiasa diperlukan dalam kepimpinan Islam. Kegigihan ini merangkumi usaha membaiki diri sehingga mempunyai akidah dan pegangan hidup keagamaan yang betul-betul mendalam. Selain akidah ialah ibadat yang sempurna, fikiran yang tajam dan maju, akhlak yang mulia dan utuh, tubuh badan yang sihat dan sejahtera, serta juga mampu untuk bekerja dan mencari rezeki, menguasai diri, menjaga waktu dan mampu hidup secara teratur dan sebagainya.

²³ Al-An'am (6) : 162-163

Kemudian skopnya perlu diperluaskan lagi sehingga meliputi pembinaan keluarga yang muslim dan saling hormat menghormati di kalangan anggotanya.

Peringkat seterusnya ialah pembinaan kepimpinan terhadap masyarakat dengan menyebarkan usaha baik dan memusuhi keburukan, juga mencari sokongan ramai untuk pelaksanaan Islam dalam masyarakat.

Kegigihan ini telah dipertegaskan oleh al-Quran dengan satu kenyataan menggesa supaya usaha-usaha dilakukan dan Allah akan melihat dan menilai usaha-usaha itu.²⁴

Dalam melaksanakan kerja-kerja berkenaan, Pemimpin Islam tidak akan bertolak ansur dan akan sentiasa tegas dalam memenuhi dasar kepimpinan berkenaan. Mereka ini disifatkan oleh al-Quran sebagai orang-orang mukmin yang menepati janji mereka kepada Allah.²⁵

Sikap tegas inilah yang menjadi asas kepada jihad dan pengorbanan dalam memenuhi cita-cita kepimpinan. Maksud pengorbanan disini ialah dalam apa saja yang sesuai, baik masa, tenaga, keringat, pemikiran dan malah darah dan nyawa sekalipun. Mereka yang sanggup berkorban seperti ini disifatkan oleh Allah sebagai orang-orang yang sanggup menjual diri mereka kepada Allah bagi mendapat ganjaran syurga.²⁶

Semangat jihad dan pengorbanan ini memberikan tenaga yang kuat kepada kepimpinan Islam untuk benar-benar berkesan. Kerana yang akan berkorban nanti bukan sahaja pemimpin, tetapi juga para pengikut. Sehubungan dengan ini benar kata orang, tiada kejayaan tanpa perjuangan dan tiada perjuangan tanpa pengorbanan.

²⁴ Al-Taubah (9) : 105

²⁵ Al-Ahzab (33) : 23

²⁶ Al-Taubah (9) : 111

Persoalan Pengenai Kewibawaan

Kepimpinan Islam menekankan kewibawaan yang tinggi. Secara umumnya aspek yang ditekankan dapat dirumuskan dalam konsep-konsep keteguhan moral dan peribadi, berilmu dan berkebolehan, serta juga mempunyai fizikal yang sihat dan mantap.

Dalam sebuah ayat al-Quran menegaskan bahawa sebaik-baik orang yang boleh diberi tanggungjawab itu ialah orang yang kuat lagi jujur.²⁷ Kekuatan mencerminkan aspek fizikal, sementara kejujuran pula mencerminkan aspek moral. Rasulullah s.a.w sendiri terkenal sebagai seorang yang sangat jujur sehingga diberi gelaran “*al-Amin*” sejak sebelum diutus sebagai Rasul lagi.

Dalam sebuah ayat yang lain, al-Quran menekankan soal keadilan, walaupun dalam kes atau masalah yang melibatkan kepentingan atau perasaan sendiri.²⁸ Dalam ayat lain lagi al-Quran menyifatkan keadilan memperdekatkan seseorang itu kepada ketaqwaan.²⁹

Sementara keilmuan pula disifatkan oleh al-Quran sebagai suatu nilai yang boleh mengangkat martabat seseorang mukmin itu beberapa darjah lebih tinggi daripada orang lain.³⁰

Faktor-faktor amanah, ilmu dan kekuatan itulah yang membentuk kewibawaan kepimpinan Islam. Walau bagaimanapun, kewibawaan itu boleh berbeza-beza dan mempunyai aspek-aspek yang banyak. Oleh kerana itu para ulama mencadangkan supaya ianya dinilai mengikut bidang dan keperluan kepimpinan itu sendiri.

²⁷ Al-Qasas (28) : 26

²⁸ Al-Nisa' (4) : 135

²⁹ Al-Ma'idah (5) : 8

³⁰ Al-Mujadalah (58) : 11

Kata Ibnu Taimiyah: Kalau kepimpinan itu di medan perang, yang lebih berani dan kuat pelu diutamakan daripada yang lebih amanah tetapi lemah dan penakut. Kerana itu Saidina Umar r.a. pernah mengadu kepada Allah. Katanya “*Ya Allah, saya mengadu kepadamu kegigihan orang jahat dan kelemahan orang baik*”.

Mengenai kesihatan fizikal pula al-Mawardi, dalam bukunya **al-Ahkam al-Sultaniyah** berpendapat, tujuannya ialah seorang pemimpin ia boleh berfungsi sepenuhnya dalam menjalankan tugas-tugas kepimpinan.³¹

Kesemuanya ini memberi erti bahawa kepimpinan Islam perlu diterajui oleh orang yang paling layak dalam kumpulan atau masyarakat berkenaan. Kalau tidak, sepetimana yang disifatkan oleh Rasulullah s.a.w kepimpinan ia akan hancur akhirnya.³²

Oleh kerana itu penonjolan seseorang untuk tugas atau peranan kepimpinan Islam perlu dilakukan dengan penuh hati-hati. Ia perlu dibuat berasaskan kepada kehendak atau keperluan “kepimpinan” itu sendiri dan bukan atas dasar atau keperluan lain. Kata Saidina Umar Ibn al-Khattab r.a. “*Sesiapa yang memegang apa-apa tanggungjawab lalu melantik mana-mana orang kerana ada hubungan rapat atau hubungan kekeluargaan maka dia telah mengkhianati Allah dan Rasulnya*”.³³

Kata Ibnu Taimiyah: “*Kalau dia mengenepikan orang yang lebih layak untuk diberikan kepimpinan itu kepada orang lain atas sebab-sebab kekeluargaan, hubungan persahabatan, daerah, mazhab (kelompok), keturunan, seperti Arab, Farsi, turki atau Rom atau kerana rasuah atau selain daripadanya atau atas sebab-sebab kasih atau bermusuh maka dia telah mengkhianati Allah dan Rasulnya dan orang-orang mukmin*”.³⁴

³¹ Al-Mawardi, Op. Cit, hal. 6

³² Hadis riwayat al-Bukhari

³³ Lihat: Ibnu Taimiyah, Al-Siasah al-Syar'iyah, Kahirah: al-Salafiyah, (1387 H) hal. 5

³⁴ Ibnu Taimiyah, op. Cit. hal. 5

Peringatan-peringatan di atas mengandungi konsep yang luas, termasuk soal pembahagian kuasa. Walau bagaimanapun, dalam konteks pembicaraan disini ia perlu dilihat sebagai peringatan kepada masyarakat umum supaya dalam menerima atau menolak sebarang kepimpinan nanti hendaklah berasaskan kepada persepsi yang betul serta objektif dan tidak berasaskan pilih kasih. Ini lagi satu jaminan untuk melahirkan kepimpinan yang dinamis. Kerana berasaskan kepada teori objektivisme ini yang akan diterima sebagai pemimpin nanti hanyalah yang terbaik dan paling sesuai dengan keperluan yang ada.

Corak dan Stail

Kepimpinan Islam bukan saja menitikberatkan dasar dan kewibawaan sahaja, tetapi juga corak dan stail. Dalam hal ini Islam tidak melihat corak sebagai dekorasi semata-mata, tetapi sebahagian daripada kepimpinan itu sendiri.

Antara corak yang paling jelas ditekankan dalam kepimpinan Islam ialah **“demokratik”**. Dalam istilah Islam, konsep seperti ini disebut sebagai **“Syura”** atau permesyuaratan. Ia ditekankan oleh al-Quran sebagai corak kepimpinan yang perlu dihayati.³⁵ Al-Quran seterusnya menegaskan bahawa kepimpinan yang bercorak sebaliknya, iaitu yang berasaskan paksaan dan kuku besi tidak akan menjadi kukuh dan seterusnya akan kehilangan wibawa.³⁶ Dalam ayat yang sama juga Allah menggesa para pemimpin Islam supaya sentiasa berunding dan bermesyuarat dan kemudian melaksanakan keputusan yang dicapai melaluinya itu dengan penuh azam dan tawakal kepada Allah.³⁷

³⁵ Ali Imran (3) : 159

³⁶ Ibid

³⁷ Al-Syura (43) : 36

Dalam sebuah ayat yang lain pula al-Quran memuji orang-orang mukmin yang selalu bermesyuarat dan berbincang. Sehubungan dengan itu permesyuaratan digolongkan dalam sikap hidup yang menerima baik saranan Allah.³⁸

Permesyuaratan sebenarnya suatu dinamika kepimpinan yang jelas,

Sebelum ini telah disebutkan bagaimana Rasulullah s.a.w disifatkan oleh para sahabat sebagai seorang yang begitu cenderung bermesyuarat. Bagaimanapun, apa yang dimaksudkan bukanlah permesyuaratan bebas yang tidak terikat dengan mana-mana dasar asas atau berdasarkan kepada konsep liberalisme. Apa yang dimaksudkan ialah mencari pendekatan yang sesuai dalam melaksanakan dasar yang sedia ada dari segi filsafat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ini menjadikan kepimpinan Islam itu lebih terarah dan terpimpin, suatu hal yang boleh menjadikannya lebih dinamik.

Satu konsep lain yang diberi perhatian berat oleh kepimpinan Islam dalam memilih corak dan pendekatan ialah kebijaksanaan, termasuk menggunakan metod nasihat yang baik dan polimik yang berkesan.³⁹

Maksud bijaksana disini ialah menggunakan taktik dan strategi serta juga metod yang sesuai dengan objektif kepimpinan dan keadaan orang bawahan serta juga persekitaran. Termasuk juga dalam konsep kebijaksanaan ini ialah mempelajari dan menguasai segala teknik baru dalam kepimpinan termasuk hal-hal mengenai psikologi kepimpinan, penggunaan alat komunikasi yang maju dan sebagainya.

³⁸ Ibid, 38

³⁹ Al-Nahl (16) : 125

Penutup

Sesungguhnya kepimpinan itu secara umumnya adalah satu bidang yang sangat luas. Ia meliputi boleh dikatakan hampir semua aspek hidup manusia. Kerana manusia, dalam segala aspek kehidupannya samada memimpin atau dipimpin.

Konsep kepimpinan Islam sebenarnya lahir daripada pandangan Islam sendiri terhadap manusia dan masyarakat hidupnya, terutama mengenai susun lapis masyarakat itu. Bagi Islam, satu bentuk peranan atau tanggungjawab timbal balik dalam kepimpinan adalah mustahak. Kerana ia sesuai dengan konsep amar makruf dan nahi munkar dalam masyarakat Islam.

Meskipun Islam lebih melihat kepimpinan itu sebagai hasil interaksi sosial tetapi Islam juga tidak mengabaikan aspek ketokohan seseorang pemimpin itu sendiri. Kerana bagi Islam, keagongan peribadi itu boleh mempengaruhi cara berfikir dan bertindak masyarakat. Sesuai dengan inilah maka Allah menyifatkan Rasulullah s.a.w sebagai peribadi contoh yang perlu menjadi ikutan bagi setiap orang Islam.

Begitulah juga halnya dengan cara dan stail kepimpinan itu sendiri. Islam mahu ia menggambarkan keperibadian kepimpinan yang kukuh dan stabil serta penuh yakin. Segala tindak tanduk yang kurang sopan dan kurang baik dalam melaksanakan objektif kepimpinan harus dielakkan. Disamping itu, strategi yang jelas bagi kepimpinan itu perlu diatur supaya orang bawahan senang memahaminya. Dalam membentuk strategi dan teknik untuk melaksanakannya inilah permesyuaratan atau “**Syura**” diperlukan.

Pada kesimpulannya, kepimpinan itu sebenarnya sebahagian daripada sistem hidup keislaman itu sendiri. Ia perlu dirangka dan dihayati mengikut falsafah, dasar dan budaya hidup Islam sendiri. Dari sinilah ia memperolehi kekuatan dan dinamismenya untuk berfungsi dengan penuh berkesan dan berjaya.

Wallahu a'lam Wa Bihi Nasta'in